



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) MACHANG, KELANTAN
TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA**

**ENCIK MOHD SYAMIL BIN MOHD SYUKRI
USAHAWAN MUDA**

DISEDIAKAN OLEH:

FARAH FARHANIM BINTI AHMAD RIZA 2022496464

SITI NUR AISYAH BINTI MOHD ASHARI 2022263352

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS**

IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (OKTOBER 2024-FEBRUARI 2025)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK MOHD SYAMIL BIN MOHD SYUKRI
USHAWAN MUDA

OLEH :

FARAH FARHANIM BINTI AHMAD RIZA 2022496464

SITI NUR AISYAH BINTI MOHD ASHARI 2022263352

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKTOBER 2024-FEBRUARI 2025)

PENGHARGAAN

Penghargaan

"Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh"

Dengan penuh rasa hormat dan penghargaan, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pensyarah kami, Puan Nurulannisa binti Abdullah, atas bimbingan, dorongan, dan sokongan yang diberikan sepanjang proses penyediaan tugas ini. Bimbingan beliau bukan sahaja membantu kami memahami konsep dan tujuan tugas dengan lebih mendalam, tetapi juga memberikan inspirasi untuk menghasilkan tugas yang berkualiti. Nasihat, panduan, dan tunjuk ajar beliau amat kami hargai dan telah memainkan peranan yang besar dalam memastikan kejayaan tugas ini.

Seterusnya, kami ingin menyampaikan penghargaan yang tidak terhingga kepada Encik Mohd Syamil bin Mohd Syukri kerana sudi meluangkan masa berharga beliau untuk sesi temubual ini. Perkongsian pengalaman dan pandangan beliau tentang keusahawanan, khususnya dalam memartabatkan warisan kuih tradisional, telah memberikan kami wawasan yang amat berharga. Kami yakin bahawa pengalaman beliau akan menjadi inspirasi kepada generasi muda dan menjadi contoh terbaik tentang bagaimana tradisi dapat digabungkan dengan inovasi untuk mencapai kejayaan.

Kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua ahli kumpulan kami atas kerjasama erat, komitmen tinggi, dan semangat setiakawan yang ditunjukkan sepanjang proses menyiapkan tugas ini. Usaha kolektif dan dedikasi yang diberikan oleh setiap ahli kumpulan telah memungkinkan kami untuk mencapai hasil yang diharapkan.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak, termasuk keluarga, rakan-rakan, dan individu lain yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tugas ini. Sumbangan dan sokongan anda semua, walaupun kecil sekalipun, sangat bermakna kepada kami. Semoga usaha kami ini dapat memberi manfaat kepada semua yang membaca hasil kerja ini dan menjadi inspirasi kepada sesiapa sahaja yang ingin mendalami topik yang kami huraikan.

Sekali lagi, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah memberikan bantuan, dorongan, dan sokongan sepanjang penyediaan tugas ini. Kami amat menghargai setiap sumbangan dan sokongan yang diterima.

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan

Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Biodata Penemubual.....	v
Pengenalan.....	vi
Transkrip.....	1
Bahagian A : Latar Belakang.....	2
Bahagian B : Sejarah Pendidikan.....	3
Bahagian C : Pengalaman Kerjaya.....	6
Bahagian D: Perniagaan.....	12
Bahagian E : Produk Akok.....	21
Bahagian F : Penutup Sumbangan Dan Harapan.....	34
Senarai Abreviasi.....	42
Senarai Singkatan.....	43
Rujukan Kata.....	44
Lampiran.....	46
Log Wawancara.....	46
Diari Kajian.....	49
Soalan Sebelum.....	53
Soalan Selepas.....	62
Surat Perjanjian.....	76
Gambar.....	77
Glosari.....	81
Indeks.....	82
Bibliografi.....	83

ABSTRAK

Abstrak

Temubual ini dilakukan bersama graduan luar negara jurusan Mekanikal dari Takushoku University, Jepun, iaitu En. Mohd Syamil Mohd Syukri untuk mengetahui tentang pengalaman perniagaan beliau dalam bidang perniagaan makanan tradisional iaitu akok. Temubual ini telah dijalankan melalui platform Google Meet. Tarikh temubual tersebut adalah pada 29 November 2024 bermula pada jam pada jam 12 tengah hari hingga 3 petang. Kedai Akok Pok Long sudah beroperasi sejak tahun 2021 pada bulan ramadhan dan berkembang di negeri Kelantan dari masa ke masa sehingga mempunyai 3 cawangan iaitu Jalan Kota Bharu ke Pasir Puteh, Jalan Perol, dan Pulau Melaka. Perbezaan perniagaan kuih Akok Pok Long dengan kuih akok yang lain adalah En. Mohd Syamil menggunakan resepi dan adunan sendiri yang mengetengahkan rasa manis, lemak manis, kurang hanyir telur serta kaedah pembakaran yang baru dalam industri akok. Pengusaha akok ini dapat menjadi inspirasi kepada seluruh masyarakat untuk tetap berjaya dalam bidang perniagaan.

Kata kunci: Akok, Jepun, Perniagaan, Graduan, Makanan, Tradisional.

Abstract

This interview was conducted with a foreign graduate in Mechanical Engineering from Takushoku University, Japan, Mr. Mohd Syamil Mohd Syukri, to learn about his business experience in the traditional food business, specifically akok. The interview was carried out via the Google Meet platform on November 29, 2024, from 12:00 PM to 3:00 PM. The Akok Pok Long shop has been in operation since Ramadan 2021 and has grown over time in the state of Kelantan, eventually expanding to three branches: Jalan Kota Bharu to Pasir Puteh, Jalan Perol, and Pulau Melaka. What sets the Akok Pok Long business apart from other akok sellers is that Mr. Mohd Syamil uses his own recipe and mixture, highlighting a sweet and rich flavor with less eggy taste, as well as introducing a new baking method in the akok industry. This akok entrepreneur serves as an inspiration to society, demonstrating that success in business is achievable.

Keywords: Akok, Japan, Business, Graduate, Food, Traditional.

BIODATA TOKOH

Biodata Tokoh



Nama	:	Encik Mohd Syamil Bin Mohd Syukri
Umur	:	
Tarikh Lahir	:	
Alamat	:	Melor ,Kota Bharu
No. Telefon	:	
Status	:	Berkahwin
Jawatan	:	Pengarah Kuih Akok Poklong
Bidang	:	Perniagaan

PENGENALAN

Pengenalan

Sebagai sebahagian daripada tugas yang diberikan oleh pensyarah kami, Puan Nurulannisa binti Abdullah, dalam kursus IMR 604: Dokumentasi Lisan, kami diberikan peluang untuk menemubual seorang tokoh muda yang berjaya dalam bidang keusahawanan. Bagi memastikan perspektif yang lebih menarik dan bermakna, kami telah memilih Encik Mohd Syamil bin Mohd Syukri, seorang usahawan muda yang memegang jawatan sebagai Pengarah Akok Pok Long. Keupayaan beliau dalam mengangkat jenama makanan tradisional sehingga dikenali di seluruh negara menjadikan beliau tokoh yang tepat untuk memberikan inspirasi dan ilmu kepada kami.

Temubual ini juga melibatkan perbincangan bersama graduan luar negara jurusan Mekanikal dari Takushoku University, Jepun, iaitu Encik Mohd Syamil bin Mohd Syukri, untuk mengetahui lebih lanjut tentang pengalaman beliau dalam bidang perniagaan makanan tradisional iaitu akok. Encik Mohd Syamil juga merupakan contoh anak muda yang gigih dan inovatif dalam memartabatkan warisan makanan tradisional melalui pendekatan perniagaan moden. Dengan latar belakang dan pengalaman yang unik, beliau telah berjaya mengubah Akok Pok Long menjadi jenama yang sinonim dengan kualiti dan rasa asli. Temu bual ini dilaksanakan melalui platform Google Meet pada bulan November 2024, memberikan peluang kepada kami untuk mendalami perjalanan keusahawanan beliau, cabaran yang dihadapi, serta wawasan beliau terhadap perniagaan makanan tradisional di masa hadapan. Melalui sesi ini, kami berharap dapat memperoleh pandangan yang bermakna dan relevan untuk tugas kami, sekaligus memberikan pendedahan yang berharga kepada topik ini.

Dalam temubual ini, kami “mengupas keunikan warisan kuih akok poklong dari melor, kelantan” yang berasal dari Melor, Kelantan. Encik Mohd Syamil berkongsi bagaimana beliau berjaya membawa resipi tradisional keluarganya ke tahap yang lebih tinggi dengan memodenkan proses pembuatan dan memperkenalkan elemen inovatif tanpa mengorbankan rasa asli akok. Keistimewaan kuih akok Pok Long terletak pada resepinya yang menghasilkan rasa manis, lemak, kurang hanyir telur, dan tekstur yang sempurna. Selain itu, kaedah pembakaran baharu yang diperkenalkan oleh Encik Mohd Syamil telah meningkatkan kualiti produk serta memastikan konsistensi rasa di setiap cawangan. Kami juga mendengar cerita beliau tentang cabaran yang dihadapi dalam membangunkan perniagaan ini, termasuk bagaimana beliau mengekalkan keaslian kuih tradisional di tengah-tengah persaingan yang semakin mencabar.

TRANSKRIP

Transkrip

Pengenalan:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang pengusaha dalam bidang makanan tradisional iaitu akok. Bersama-sama kami ialah Mohd Syamil Bin Mohd Syukri yang merupakan seorang Usahawan muda iaitu Pengarah Akok Pok Long. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 29 November 2024 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 10:30 pagi melalu platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Siti Nur Aisyah dan Farah Farhanim. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

**Bahagian A : Latar Belakang
Diri sendiri:**

A : Apakah nama penuh Encik?

S : Mohd Syamil Bin Mohd Syukri.

A : Bilakah tarikh lahir Encik?

S :

A : Dimanakah tempat kelahiran Encik?

S : Kota Bharu.

A : Encik anak ke berapa daripada berapa adik beradik?

S :

A : Apakah status Encik? Adakah sudah berkahwin ataupun bujang?

S : Sudah berkahwin.

A : Adakah Encik mempunyai pengalaman lain sebelum menjadi usahawan? Jika ya, apakah jenis pekerjaan tersebut?

S : Pengalaman lain, buat *part time job* [kerja sambilan] lah sebagai *tour guide* [pemandu pelancong] di Jepun.

A : Bagaimana Encik menggambarkan personaliti atau sifat diri Encik?

S : Sifat diri saya ni lebih kepada buat kerja sampai siap.

A : Apakah hobi atau minat Encik selain daripada bidang keusahawanan?

S : Kalau dari segi hobi saya suka melakukan semua jenis sukan.

A : Adakah Encik aktif dalam komuniti atau organisasi tertentu?

S : Aktif (berfikir) dekat komuniti masjid kampung.

A : Apakah yang Encik gemar lakukan semasa kecil?

S : Aktiviti gemar semasa kecil biasanya main basikal.

Bahagian B : Sejarah Pendidikan

Sekolah Rendah:

F : Dimanakah Encik mendapat pendidikan sekolah rendah?

S : Sekolah Kebangsaan Wakaf Stan.

Sekolah Menengah:

F : Dimanakah Encik mendapat pendidikan sekolah menengah?

S : Sekolah Kebangsaan Agama Melor, Kota Bharu Kelantan.

F : Apakah kenangan paling berkesan semasa di sekolah menengah?

S : Kenangan paling berkesan dapat *straight A* [A penuh] SPM.

F : Adakah minat terhadap perniagaan mula timbul ketika itu?

S : Minat perniagaan timbul masa saya *form* [tingkatan] dua lagi...tingkatan dua.

Universiti:

F : Setelah tamat pengajian di sekolah menengah, di universiti manakah Encik melanjutkan pengajian diploma?

S : Diploma saya melanjutkan di UniKL IPROM, Beranang (MJII).

F : Apakah bidang yang dipilih, dan mengapa?

S : Saya pilih bidang diploma dalam *mechanical engineering* [kejuruteraan mekanikal], kerana sebab saya dapat A+ Fizik.

F : Dimanakah Encik melanjutkan pengajian ijazah sarjana muda?

S : Ijazah sarjana muda saya di Takushoku Universiti Tokyo, Jepun.

F : Mengapa Encik memilih untuk melanjutkan pelajaran ke Jepun?

S : Kenapa? Disebabkan *fully sponsorship by* [tajaan penuh melalui] Yayasan Pelajaran MARA. Selepas itu, saya punya minat dalam *engineering* [kejuruteraan] itu sendiri dan Jepun itu sendiri.

F : Boleh ceritakan bagaimana Encik mendapat tawaran untuk belajar di Jepun?

S : Tawaran belajar tu dia ada *open* [buka] - dekat *website* [laman web] dia, jadi kita *apply* [mengisi] melalui - Sijil Pelajaran Malaysia result *trial* [keputusan percubaan].

F : Apakah kelayakan atau pencapaian untuk membantu Encik mendapat tawaran belajar di Jepun? Mungkin pencapaian akademik, kemahiran bahasa Jepun, atau penglibatan dalam aktiviti tertentu.

S : Syarat utama untuk melanjutkan je---pengalaman ke Jepun bawah YDM adalah result Sijil Pelajaran Malaysia *straight A* [A penuh].

F : Adakah terdapat cabaran tertentu dalam proses permohonan ke Jepun, dan bagaimana Encik mengatasinya?

S : Dari segi permohonan, saya rasa tidak ada masalah kena ikut *timeline* [jadual masa] sahaja.

F : Adakah Encik menghadiri sebarang temuduga atau ujian sebelum mendapat tawaran ke Jepun? Jika ya, boleh kongsi sedikit pengalaman mengenai proses tersebut.

S : __ __ (berfikir) kalau ujian nak ke Jepun itu saya (berfikir) di Program Latihan Khidmat Negara saya perlu keluar awal sehari untuk pergi *interview* [temuduga] ke Jepun.

F : Bagaimana perasaan Encik apabila mendapat tahu bahawa Encik diterima untuk belajar di Jepun?

S : Perasaan syukur dengan gembira.

F : Boleh kongsi pengalaman pertama dan cabaran utama yang Encik hadapi sebagai pelajar luar negara ketika Encik di Jepun?

S : Pengalaman pertama dan cabaran utama adalah - makanan sebab kita perlu lagi peka untuk pilih makanan halal dan tempat solat.

F : Jadi bagaimana pengalaman pendidikan di Jepun berbeza dengan di Malaysia atau bagaimana?

S : Perbezaan pendidikan Jepun dan Malaysia - Jepun lebih kepada budaya dan adab dulu baru akademik, tapi kita Malaysia lebih kepada akademik dan terlalu awal untuk kita *start* [mulakan] akademik tanpa kita pupuk adab dulu.

F : Adakah terdapat pendekatan unik dalam pendidikan di Jepun yang memberi inspirasi kepada Encik?

S : Pendekatan yang paling unik adalah (berfikir) semasa kanak-kanak sehingga darjah dua atau darjah tiga macam tu, dia tidak ada akademik hanya adab dan cara bercakap dengan guru semua tentang akhlak.

Bahagian C : Pengalaman Kerjaya

Permulaan Kerjaya

A : Bolehkah Encik kongsi pengalaman pertama yang memberi kesan mendalam pada kerjaya Encik?

S : Pengalaman pertama (berfikir) dalam kerjaya saya sebagai usahawan adalah sebagai *tour guide* [pemandu pelancong] di Jepun sebab kita perlu tahu cara nak buat *network* [rangkaian] dengan orang, lepas itu cara nak *attract customer* [menarik pelanggan] dan cara menguruskan *business travel* [perjalanan perniagaan] itu sendiri.

A : Apakah cabaran utama yang Encik hadapi ketika memulakan kerjaya?

S : (berhenti seketika) Kerjaya saya yang *first* [pertama] pengalaman, cabaran dia kita nak jaga *customer* [pelanggan], bila kita buat kerja *tour guide* [pemandu pelancong] dengan uruskan orang cakap pengurusan sendiri dari segi *supply* [bekalan] barang makanan.

A : Boleh bagikan contoh apa yang terjadi waktu, macam sikit contoh yang Encik boleh bagi, situasi ?

S : Contoh situasi (berfikir) contoh yang pertama bila kita pergi satu tempat tidak ada restoran halal khusus, jadinya disitu kita perlu mencari makanan halal berdasarkan pengetahuan yang kita ada. Contohnya dalam gerai tu ada jual ikan dengan udang (berfikir) berkenaan dengan *seafood* [makanan laut] tu dia halal so [jadi] daripada situ kita *explain* [terangkan] dekat mereka yang ini halal disebabkan dia adalah *seafood* [makanan laut]. So [jadi] benda *basic* [asas] macam tu kita kena tahu untuk *explain* [terangkan] dekat kita punya *client* [pelanggan].

A : Adakah terdapat seseorang yang menjadi *mentor* [penasihat] pada permulaan kerjaya Encik?

S : (berfikir) *Mentor* [penasihat] dari segi tidak langsung ada sebab saya banyak merujuk kepada *senior* [pangkat lebih tinggi] saya yang dah buat kerja *travel* [pelancongan] ni, lepas itu ada beberapa *mentor* [penasihat] *online* [dalam talian] yang kita *follow* [ikuti] daripada situ kita belajar sendiri.

Perkembangan Kerjaya

A : Dari segi Perkembangan kerjaya, Apakah pencapaian terbesar Encik pada peringkat awal kerjaya?

S : Kejayaan yang pertama saya rasa (berfikir) Kalau dari segi kerjaya adalah boleh buat *travel* [pelancongan] sendiri tanpa pertolongan orang lain maksudnya kita dah boleh

hands on it [terus melakukannya], *is that* [adakah itu] buat *travel* [pelancongan] ke Jepun.

A : Dah berapa lama Encik terlibat dengan *tour guide* [pemandu pelancong] ni?

S : [berfikir] Saya *start* [mula] dengan tahun pertama saya di Jepun - tahun 2016 Mac 2016 sampai sekarang.

A : Bagaimana Encik mengembangkan kemahiran Encik untuk menjadi lebih berdaya saing?

S : Kemahiran saya untuk lebih berdaya saing (berfikir) fokus kepada diri sendiri tanpa fikir orang lain.

A : Apakah momen-momen penting yang telah memacu kejaya Encik ke peringkat seterusnya?

S : Momen penting untuk memacu kejayaan dari segi orang cakap (berfikir) Kepuasan hati. Kepuasan hati bila kita buat *something* [sesuatu] tu berjaya kita nak lagi.

A : Apakah perubahan terbesar yang Encik lihat dalam bidang Encik sejak mula?

S : (berfikir) Perubahan terbesar dari segi *travel* [pelancongan] sekarang ini banyak *demand* [permintaan] disebabkan pendedahan orang terhadap Jepun itu sendiri dan ada beberapa orang cakap *backpackers* [pelancongan beg galas] yang dah mengeluarkan (berfikir) *content* [kandungan] di media sosial sehingga menanam minat kepada orang nak pergi Jepun.

Cabaran dan Pengalaman Kerja

A : Berkenaan cabaran dan pengalaman kerja. Boleh ceritakan mengenai situasi mencabar yang Encik hadapi, dan bagaimana Encik menanganinya?

S : Situasi yang mencabar adalah kalau dalam *travel* [pelancongan] kita apa *booking* [tempahan] *Air Bed & Breakfast* [Air BNB] lepas itu ada *Air Bed & Breakfast* [Air BNB] yang (berfikir) *management* [pengurusan] dia kurang (berfikir) maksudnya indah khabar daripada rupa. So [jadi], bila kita pergi itu, contoh *Air Bed & Breakfast* [Air BNB] tidak *clean* [bersih] lagi. So [jadi], cara kita selesaikan adalah kita tukar secara drastik *Air Bed & Breakfast* [Air BNB] kepada Hotel..kita terus *booking* [tempahan] hotel lain walaupun kita terpaksa menanggung risiko kerugian itulah..disebabkan kecuai orang lain.

A : Boleh kami tahu kerugian yang Encik hadapi. Berapa jumlah dia?

S : Jumlah dia dalam lima ke enam ribu.

A : Apakah kemahiran khusus yang Encik rasakan paling penting untuk berjaya dalam bidang ini?

S : (berfikir) Dalam bidang ni (berfikir) *Skill* [kemahiran] khusus adalah *skill* [kemahiran] bacaan kita maksudnya geografi, ilmu geografi itu sendiri dan kefahaman terhadap selok belok jalan, yang kedua dari segi maklumat tentang *general knowledge* [pengetahuan am] (berfikir) tentang sejarah tentang Jepun.

A : Apakah keputusan kerjaya paling sukar yang pernah Encik buat?

S : Saya memilih untuk tidak bekerja dan buat *business* [perniagaan] akok.

A : Bagaimana Encik menghadapi kegagalan atau kesilapan dalam kerjaya yang pernah Encik buat?

S : Caranya adalah dengan tidak berputus asa dan jangan buat kesilapan yang sama.

Pengaruh dan Inspirasi

A : Dari segi pengaruh dan inspirasi, siapa yang paling mempengaruhi perjalanan kerjaya Encik yang baru-baru ini?

S : Paling berpengaruh dalam hidup saya, *mentor* [penasihat] saya sendiri, ayah saya dari segi (berfikir) orang cakap kepemimpinan ilmu hidup itu sendiri.

A : Bagaimana pengaruh mereka telah membentuk pendekatan Encik dalam bekerja?

S : Pengaruh mereka tu lebih kepada disiplin diri (berfikir) fokus terhadap apa yang kita buat dan buat sampai jadi.

A : Adakah terdapat tokoh dalam bidang Encik yang menjadi inspirasi? Mengapa?

S : (berfikir) tokoh kalau dari segi *travel* [pelancongan] bini saya sendiri yang kedua kalau dari segi *business* [perniagaan] akok tu sendiri (berfikir) saya belajar dari banyak orang, banyak *mentor* [penasihat] dan orang lama yang kita pergi jumpa untuk belajar buat akok.

A : Apakah nasihat terbaik yang pernah Encik terima tentang kerjaya?

S : Nasihat terbaik tentang kerjaya adalah (berfikir) *be bold* [berani] maksudnya kena berani. Kalau hanya belajar sahaja teori kalau tidak berani sampai bila *you* [awak] tidak akan ada *progress* [kemajuan] .Dengan berani itu dan ilmu *you* [awak] maybe [mungkin] berjaya atau tidak, kalau tidak *you* [awak] belajar sampai berjaya.

Pencapaian dan Pengiktirafan

A : Dari segi pencapaian dan pengiktirafan, apakah pencapaian terbesar dalam kerjaya Encik yang Encik paling banggakan?

S : Benda yang paling saya bangga kan adalah saya rasa saya dapat habiskan (berfikir) belajar saya *and at the same time* [dan pada masa yang sama] saya buat *business travel* [perniagaan pelancongan] dan perjalanan *graduation* [majlis graduasi] umi dan ayah saya itu saya tanggung.

A : Adakah Encik pernah mendapat anugerah atau pengiktirafan dalam bidang ini?

S : Anugerah dalam bidang (berfikir) *travel* [pelancongan] tidak ada. Maksudnya kalau dari segi akok tu sendiri lebih kepada kalau pencapaian ni banyak di akok lah *personal branding* [penjenamaan diri] untuk *food and beverage* [makanan dan minuman] akok ini saya (berfikir) saya pernah *viral* [tular] disebabkan satu *headline* [tajuk utama] graduan Jepun memilih untuk (berfikir) menjual akok di kampung dan *viral* [tular] masuk ke empat belas platform termasuk Astro Awani dan radio Thr Gegar.

Kepimpinan dan Pengurusan

A : Dari segi kepemimpinan dan pengurusan, bagaimana Encik menggambarkan gaya kepimpinan Encik?

S : Gaya kepimpinan saya tidak orang cakap tidak perlu bendul tapi kerja siap.

A : **Apakah nilai atau prinsip yang Encik pegang dalam memimpin pasukan?**

S : Prinsip saya pimpin pasukan (berfikir) semua kena mainkan peranan sendiri dan kalau (berfikir) *someone* [seseorang] tidak buat kerja kena bagitau tidak ada *miscommunication* [salah faham] dan kena *backup* [salinan dorongan].

Bahagian D: Perniagaan

Permulaan Perniagaan

F : **Apakah misi utama perniagaan Encik?**

S : Misi saya untuk memperkenalkan kuih tradisional, kuih sedia ada akok kepada dunia---khususnya Jepun.

F : **Bagaimana Encik memulakan perniagaan ini? Apakah langkah pertama yang Encik ambil?**

S : Langkah pertama adalah dengan mengambil *someone* [seseorang] yang dah berjaya dan belajar dengan orang yang dah berjaya...dan *research and development* [penyelidikan dan pembangunan].

F : ***Research and development* [penyelidikan dan pembangunan] tu?**

S : *Research and development* [penyelidikan dan pembangunan] akok tu sendiri (sambungan terputus) dengan *mentor* [penasihat], ramai tok guru, dan orang lama jadi Akok Pok Long tu adalah satu---Orang cakap produk *entrepreneur* [usahawan] daripada Akok Pok Long tu sendiri.

F : Dari manakah Encik mendapat modal permulaan untuk memulakan perniagaan?

S : Modal sendiri.

F : Maksudnya modal dari dulu ke?

S : Maksudnya ada *saving* [simpanan], masa belajar sedikit. Tapi saya ni, untuk *business* [perniagaan] akok ni---dia modal tidak besar. Dia *start up* [permulaan perniagaan], maksudnya dalam 500 ribu tu boleh buat akok.

F : Siapakah tulang belakang yang utama dalam menjalankan perniagaan akok?

S : (berfikir) *Family* [keluarga] saya - *start* [bermula] daripada akar umbi sampai (sambungan terputus) sampai semua tolong bantu saya...sampai itu pada saya.

F : Dimanakah cawangan perniagaan akok pertama dibuka?

S : Di Jalan Perol.

F : Bukan di Machang ke?

S : (berfikir) Bukan, Machang dekat __

F : Maaf Encik, saya tak dengar.

S : Ouh ni masa (siaran terputus) akok Perintah Kawalan Pergerakan.

F : Berapakah bilangan pekerja pada permulaan perniagaan akok?

S : Awalnya kita mulakan dengan dua orang (tidak jelas)...

F : Maafkan saya, berapa orang?

S : Lapan orang, *family* [keluarga].

F : Bagaimanakah Encik membayar gaji pekerja? Adakah melalui pembayaran atas talian atau secara tunai?

S : __ (berfikir) selepas itu, secara atas talian.

F : Apakah cabaran terbesar yang Encik hadapi semasa memulakan perniagaan?

S : Cabaran terbesar adalah barang itu sendiri, sebab kita beli daripada pengusaha kecil. Contoh, telur, tepung gandum, santan berebut dengan orang kampung semua. Orang kampung tidak dapat juga (tidak jelas) dapat bekalan makanan.

F : Bagaimanakah reaksi pelanggan terhadap perniagaan Encik pada awalnya?

S : Reaksi pelanggan adalah...Pok Long (tidak jelas)...

F : Maafkan saya.

A : Encik boleh ulang semula tak? Sebab kurang jelas.

S : Kejap (berfikir) apa soalan dia tadi?

F : Bagaimanakah reaksi pelanggan terhadap perniagaan Encik pada awalnya?

S : Reaksi pelanggan terhadap perniagaan ini...terhadap *business* [perniagaan] ini agak bagus..orang boleh terima *taste* [rasa] Akok Pok Long sendiri...walaupun itu adalah Pok Long punya *taste* [rasa] dan semua dapat terima dan semua terima kita punya produk.

Pengembangan Perniagaan

F : **Apakah langkah-langkah yang Encik ambil untuk mengembangkan perniagaan dari awal hingga sekarang?**

S : Langkah---yang pertama sekali adalah *marketing* [pemasaran]. Kita buat sosial media kita. Dan yang kedua, kita menjaga pelanggan sedia ada dan dia akan menjadi *visitor* [tetamu] pada kita punya akok.

F : **Apakah strategi pemasaran pertama yang Encik gunakan untuk menarik pelanggan adakah sama atau sebaliknya?**

S : Strategi pemasaran pertama adalah kedai kita - daripada *design* [reka bentuk] keadaan kemas, maksudnya *font* [tulisan] - pemilihan *colour* [warna], dia nampak klasik tapi *at the same time* [dalam masa yang sama] dia kemas sikit. So [jadi] - kita hendak mengutamakan---kedai pun hendaklah sempurna - kita ubah dia daripada buruk kepada bersih dan klasik.

F : **Bagaimana Encik memilih pasaran sasaran Encik?**

S : *Audience target* [sasaran pelanggan] (tidak jelas) saya tidak pilih juga hanya sekadar (tidak jelas) orang kawasan sekitar dan orang lalu lalang (tidak jelas) depan kedai kita (tidak jelas) orang yang...

A : **Maaf Encik, *internet coverage* [liputan internet] disana teruk lagi ke?**

S : Kejap,saya tukar. *Hello* [hi] dengar tak?

F : Dengar.

S : Kalau *audience target* [sasaran pelanggan] ni pertama, orang sekeliling. Yang kedua, orang yang lalu lalang depan kedai saya tu. Contohnya, daripada Kota Bharu ke Pasir Puteh atau Pasir Puteh ke Kota Bharu. Yang ketiga adalah pelancong dari luar negeri Kelantan.

F : Apakah pencapaian utama perniagaan Encik pada tahun-tahun awal pembukaan?

S : Pertama, Akok Pok Long tu sendiri..kisah graduan Jepun yang menjual akok di kampung sendiri menyebabkan kita masuk ke 14 platform, saya rasa itu satu kejayaan sebab orang dapat-orang cakap buka minda. Tidak semestinya kita *graduate oversea* [lepasasan ijazah luar negara] ini kena kerja *as it is* [sebagai ia]. So [jadi], kita boleh pilih apa yang kita nak.

F : Saya ada nampak dekat satu headline news [berita utama] tulis akok kedut, itu nama gelaran akok itu ke?

S : Kedut---ia satu kriteria-kalau dapat buat. Ia menjadi satu kelebihan terhadap akok itu sendiri---dan untuk menjadikan akok tu berkedut, kita kena menggunakan-yang pertama telur yang banyak dan telur gred tinggi. Dan yang kedua, dari segi pembakaran akok tu sendiri, kita kena ada *pressure* [tekanan] sikit dan bukan sekadar memanaskan sahaja. So [jadi], untuk buat kedut tu agak susah orang cakap tapi bila berkedut tu dia menjadi satu kepuasan kepada pengemar akok itu sendiri.

F : Berapa tahun Encik mengambil masa untuk membuka cawangan lain?

S : Saya ambil masa satu tahun.

F : Dimanakah cawangan yang lain ditubuhkan?

S : Saya sempat buka sampai tiga cawangan sahaja. Tapi tutup balik dua tu disebabkan kurang permintaan dan yang kedua-orang cakap *hands on* [penglibatan secara langsung], pekerja dengan barang-barang itu sendiri, kedai itu sendiri---agak tinggi tidak berbaloi dengan kita jalankan *business* [perniagaan] kawasan tersebut.

F : Akok ni berasal dari mana?

S : Akok ni berasal dari Kelantan.

F : Kiranya makan tradisi Kelantan adalah akok?

A : Boleh saya bertanya? Boleh ceritakan sedikit tentang sejarah akok yang Encik tahu sebab kami bukan berasal daripada kawasan Kelantan jadi kami teringin nak tahu?

S : Dia *basically* [secara asasnya] (berfikir) akok kelantan ni asal daripada kelantan disebabkan kriteria yang akok itu sendiri ada manis so [jadi] orang kelantan ini suka makan manis jadi setiap kali makan itu. Kalau awak biasa tengok dia ada (berfikir) masukkan gula biasanya kalau *even* [bahkan] makan roti canai dalam gulai juga dia letak gula itu antara kriteria orang Kelantan itu sendiri jadi bila awak tengok benda itu akok itu sendiri ada satu kriteria manis, lemak manis jadi daripada situ dia datang daripada Kelantan itu sendiri dan dia ada juga tersebar hingga ke wilayah desa di sempadan Kelantan itu sendiri iaitu Thailand. *Even* [bahkan] di Narathiwat dan (tidak jelas) juga ada kuih akok itu sendiri jadi dia tersebar, asalnya di situ.

Cabaran dan Risiko

F : Pada permulaan perniagaan, Encik mulakan pada tahun Perintah Kawalan Pergerakan. Boleh ceritakan tentang cabaran paling sukar?

S : Cabaran yang paling sukar pada waktu itu adalah untuk bergerak menghantar akok sendiri sebab memerlukan *permission* [kebenaran] daripada pihak berkuasa.

F : Bagaimana Encik menangani persaingan dalam industri kuih tradisional ini?

S : Untuk menangani persaingan dalam industri, saya *just focus on* [hanya fokus] kita punya kedai dan kita punya produk sahaja-itu je. *Key point* [isi penting] dia *focus on yourself, be progress* [fokus kepada diri sendiri, teruskan kemajuan]---itu sahaja.

F : Siapakah pesaing yang Encik rasa berdaya saing?

S : Pesaing saya-tiada sebab objektif *target* [sasaran] saya tidak sama---dan misi kita pun tidak sama---saya rasa sekarang *so far* [setakat ini] tiada dari segi pesaing kuih tradisional, khususnya akok.

F : Bagaimana Encik menghadapi kegagalan atau kesilapan dalam perniagaan akok?

S : (berfikir) kegagalan-kalau kegagalan ni hanya *move on* [lupakan yang lama]---*key* [kunci] dia *move on* [lupakan yang lama]. Contoh, kedai saya kedua dan ketiga saya tidak ambil *profit* [keuntungan], saya tutup sahaja. Sebab dia adalah satu perjalanan, dia bukan orang cakap satu destinasi. So [jadi] kalau benda tu tak jadi buat apa kita nak kekalkan. So [jadi] kita *move on* [lupakan yang lama] cari tempat baru ataupun *progress* [teruskan] dengan produk lain.

Keputusan dan Pembelajaran

F : Apakah keputusan paling sukar yang pernah Encik buat dalam menjalankan perniagaan akok? Contohnya, macam mempelbagaikan produk atau menaikkan harga?

S : *Okay* [baiklah], keputusan yang paling sukar adalah menaikkan harga.

F : Dari harga berapa ke berapa, Encik naikkan?

S : Daripada harga ke---*first* [pertama] saya jual dulu 45 sen atau 50 sen, sekarang ni 60 sen - 60 sen ke 70 sen macam tu. Nak lagi banyak, lagi murah.

F : Kiranya Encik ada buat pakej katering ke? Macam kalau orang lain nak dalam seribu ke?

S : (berfikir) ada - maksudnya kalau ada tempahan kita boleh buat, dan biasanya adalah---biasanya *wedding* [perkahwinan].

F : Apakah pelajaran terbesar yang Encik pelajari sepanjang perjalanan perniagaan ini? (Mungkin mengenai keperluan untuk inovasi atau pentingnya mengekalkan kualiti tradisional.)

S : Saya sebenar (berfikir) dari segi *innovation* [inovasi] kalau awak tahu, cara pembakaran akok ni dia ada empat sahaja dalam industri. Dia menggunakan sabuk kelapa yang paling *oldschool* [cara lama], yang kedua dia menggunakan arang, yang ketiga dia menggunakan *oven* [ketuhar], yang keempat dia menggunakan dapur gas itu sendiri. Itu adalah empat (berfikir) *main* [utama] cara untuk bakar akok. Tapi saya *entry market* [pasaran permulaan] dengan satu cara baru dengan menggunakan - *cupcake maker* [mesin pembuat kek cawan] yang kita buat mufin tu. Saya menggunakan alat tersebut untuk buat akok dalam industri. Dalam industri tiada lagi orang guna, kalau ada juga dia buat homemade [buatan sendiri] tapi saya pergi terus ke serius punya mod untuk buat benda ni ke inovasi dan sebab apa saya gunakan---saya dah inovasikan benda tu ke industri sebabnya dia dapat hasilkan akok yang berkualiti dari segi kekedutan dia tu---dan dari segi petak---tekstur dia tu lagi berkedut, kering dan cukup cantik.

F : Bagaimana Encik terus belajar dan menyesuaikan diri dengan perubahan dalam industri makanan tradisional? Contoh macam sumber rujukan Encik untuk belajar selain daripada orang dulu-dulu.

S : *Okay* [baiklah] kalau dari segi...apa *improvise* [mengolah] kita punya produk ni (berfikir) lebih kepada *packaging* [pembungkusan] sahaja. Sebabnya kita nak *improvise* [mengolah] kita punya produk itu sendiri, kita tidak boleh sebab dia merupakan satu kuih tradisional yang orang nak macam itu---jadi *demand* [permintaan] terhadap kuih tradisional itu sendiri. Lagi klasik, lagi *original it be* [keadaan asal]..lagi orang nak. So [jadi], sama jugak dari segi *packaging* [pembungkusan] ini kita *improve* [memperbaiki] untuk sesuaikan

dengan majlis-majlis tertentu sahaja. Contoh, kita pernah buat satu *package* [bungkusan] dia macam (berfikir) rasmi. Kalau ada cenderamata nak bagi dekat orang ke---dengan selain daripada luar dari Kelantan. So [jadi], pihak sekolah dan pihak kerajaan yang---badan *Non Governmental Organization* [Badan Bukan Kerajaan] ke semua ni boleh beli *packaging* [pembungkusan] itu nak bagi dekat dia punya tetamu.

F : Biasanya *range* [anggaran] harga berapa?

S : *Range* [anggaran] harga untuk *packaging* [pembungkusan] itu---dia kena tambah dalam (tidak jelas)...

F : Dalam berapa?

S : Tiga ringgit.

F : Apakah kesilapan yang Encik pelajari dalam perniagaan ini dan bagaimana ia membantu Encik berkembang? Contoh, macam kesilapan dalam resipi atau pengurusan masa.

S : (berfikir) kesilapan yang saya belajar banyak, tapi saya---saya pilih satu untuk utama sekali, kita kena jaga *ingredient* [bahan]. Sebab kesilapan yang pernah dilakukan oleh *staff* [pekerja] saya ini, dia - dia masukkan *ingredient* [bahan] yang tidak---tidak mengikut aspek kita. Kadang-kadang dia kurang masukkan telur menyebabkan akok tu kurang berkedut ataupun tekstur tu keras sikit. So [jadi], benda-benda macam itu kita kena sentiasa pantau dan kena tegas terhadap benda itu.

F : Encik rasa bahan apa yang paling penting dalam akok tu? Contohnya, macam kualiti telur ke atau kuantiti gula ke?

S : Dia lebih kepada telur---telur ni biasanya kita guna adalah gred AA dan A sahaja. Itu hanya telur ayam tapi kalau ada telur itik, lagi *better* [bagus] sebab akok ni asal-asal dia

dulu - orang tua kita menggunakan telur itik. Tapi telur itik disini agak mahal dan yang kedua dia agak terhad untuk kemungkinan terputus bekalan---itu agak tinggi.

F : Jadi rasa antara telur ayam dan telur itik itu, berbeza ke?

S : Berbeza.

F : Rasa macam mana?

S : Rasa berlemak.

Bahagian E : Produk Akok

Produk Akok

A : Apakah jenis atau variasi akok yang Encik tawarkan kepada pelanggan? Contohnya macam yang saya lihat sekarang ada pelbagai akok jagung, akok kelapa. Kalau macam Encik, Encik ada jual satu jenis ke atau pelbagai?

S : Kita hanya jual satu sahaja iaitu *original* [asli] akok itu sendiri.

A : Maksudnya Encik memang tidak ada menjual sebelum ini? tidak ada buat variasi lain?

S : Variasi lain kita sebelum ni (berfikir) tak pernah buat, pernah nak buat dulu tapi kita rasa tidak perlu. Kita hanya fokus kepada kita punya akok ini tapi kalau ada orang nak tumpang letak (berfikir). Dia punya produk dekat kedai juga kita *validate* [mengesahkan] dulu tapi kalau produk itu (berfikir) boleh letak dekat kedai baru beri dia *permission* [izin].

A : Bagaimana Encik memastikan kualiti akok sentiasa konsisten?

S : Penggunaan bahan mentah jangan melebihi tarikh *expired* [tamat tempoh]. Contoh telur tidak boleh lebih tiga hari, tepung dia ada *expired date* [tarikh luput] dia sendiri. So [jadi] semua benda macam itu kena peka, jangan guna.

A : Macam Encik cakap tadi, maksudnya telur tidak boleh lebih dari tiga hari. Pernah ke Encik menghadapi kerugian daripada segi, macam sekarang ini tengah banjir so [jadi] Encik tidak boleh nak *produce* [menghasilkan] akok itu. Jadi Encik dah ada *stock* [simpanan] itu, macam mana sekarang?

S : (berfikir) Itu kerugian kita. so [jadi] kita *as a business owner or manager* [sebagai pemilik perniagaan atau pengurus] ini kita kena pandai *estimated* [anggarkan] kena *calculate* [mengira] terus dengan bukan setakat bahan bacaan *demand* [permintaan] setiap hari tapi kena *calculate* [mengira] jugak dari segi kondisi *weather* [cuaca] itu begini memainkan peranan. Contoh, kalau hujan kita punya customer [pelanggan] kurang so [jadi] benda macam itu kena pandai *calculate* [mengira] .

A : Waktu banjir sekarang ini Encik ada menerima tempahan lagi ke atau memang tutup terus?

S : Harini kita tutup terus sebab harini sangat kritikal dari segi jalan tutup orang nak jalan juga tidak boleh. So [jadi] kalau semalam itu masih lagi berniaga, untuk tempahan tidak ada lagi untuk waktu sekarang.

A : Slogan untuk Akok Poklong, Encik ada contoh?

S : Slogan saya tiada, tapi kalau pergi misi ini, kalau orang melayu kita ini boleh makan sushi, kenapa tidak orang jepun makan akok. Betul tak? Itu antara slogan.

A : Adakah Encik menyediakan pilihan akok untuk pelanggan yang mempunyai keperluan diet tertentu, seperti akok tanpa gula?

S : *So far* [setakat ini] sekarang tidak ada lagi. Sebab orang nak makan akok ini dia lebih kepada nak memenuhi dia punya keinginan akok itu mengikut aspek dia. Setakat ini tidak ada lagi yang akok orang cakap diet. Kalau kena guna pun, kena guna gula Stevia (ketawa)...

A : Bagaimana maklum balas pelanggan mempengaruhi penambahbaikan produk akok Encik?

S : *Sorry* [maaf] macam mana? *So far* [setakat ini] alhamdulillah diorang berpuas hati tapi kalau yang tidak berpuas hati itu juga *maybe* [mungkin] cita rasa dia. Sebab orang selalu berbeza dia punya cita rasa.

A : Maksudnya pelanggan Encik yang membuat maklum balas melalui jumpa Encik ataupun dia ada tulis dekat mana maklum balas dekat *Google Forms* [borang talian] ke?

S : *Google review* [ulasan google] ada.

A : Kebanyakan membuat dekat *Google Review* [borang talian]? Tidak ada melalui Encik sendiri?

